

Atasi stigma takut kanser

CaRE sedia pelbagai maklumat bantu pesakit hadapi barah

SESI kaunseling turut diadakan di CaRE.

Oleh Siti Zarinah Sahib
sitzarinah@mediaprima.com.my

Apabila memperkatakan mengenai kanser, apa yang bermain di fikiran adalah kesakitan menempuh rawatan, terpaksa berulang-alik ke hospital, pembedahan demi pembedahan, kos rawatan yang tinggi serta kematian di penghujungnya.

Namun sebelum menempuh pelbagai kesakitan atau menerima perkhbarannya tubuh diserang sel kanser, ramai

yang menolak menjalani pemeriksaan awal disebabkan stigma masyarakat terutama Melayu begitu 'takut' menerima kenyataan seandainya mereka menjadi salah seorang penghidap kanser.

Dengan kata lain, lebih baik tidak tahu diri berpenyakit sehingga keadaan menjadi lebih kronik dan rela menunggu masa ajal menjemput.

Pandangan ini biasanya dilontarkan terutama masyarakat yang masih belum terbuka mengenai pencegahan awal dan berasa kehidupan menjadi gelap gelita seandainya berstatuskan pesakit kan-

ser. Ada juga yang mengibaratkan diri seperti telur di hujung tanduk, berasa hidup tidak lagi bererti, bimbang pandangan masyarakat, siapa yang mahu menjaga dan pelbagai persoalan yang memerlukan bukan saja jawapan, tetapi sokongan.

Berdasarkan kajian (Mazanah Muhamad & Associates, 2010), pesakit dan pejuang kanser bukan saja memerlukan wang bagi membiayai kos rawatan sebaliknya maklumat mengenai kanser bagi membolehkan mereka membuat keputusan tepat dan jelas mengenai rawatan, penjagaan dan kesejahteraan.



Malah bahan pendidikan kanser dalam bahasa Melayu serta bahasa utama lain sangat diperlukan sebagai panduan serta persediaan menghadapi hari mendatang. Ini termasuk sumber maklumat daripada profesional perubatan, media massa seperti Internet, komunikasi individu dan organisasi.

Dengan pertambahan bilangan penghidap kanser terutama barah payudara sebagai pembunuh nombor satu di Malaysia, pelbagai cara dilakukan bagi mendepani cabaran ini. Antaranya adalah menimbulkan kesedaran mengenai pentingnya menjalani pemeriksaan awal payudara, mengesan sebarang keanjilan pada tubuh serta ambil tahu mengenainya. Walaupun media sama ada cetak dan elektronik sentiasa menguar-uarkan perkara ini, kesedaran masyarakat masih kurang dan perlu dipertingkatkan.

Menyedari pentingnya sebuah unit atau hub pengurusan ilmu berkaitan kanser, pada 15 Ogos 2011 Pusat Sumber dan Pendidikan



"CaRE menjadi penghubung bukan saja sekadar mendapatkan maklumat malah menyertai aktiviti bagi meningkatkan keyakinan, sekali gus menjalani gaya hidup sihat"

Prof Dr Latiffah

Kanser (CaRe), Universiti Putra Malaysia (UPM) ditubuhkan sebagai medium lengkap mengenai kanser yang ditujukan kepada golongan sasaran serta komuniti peringkat nasional

dan antarabangsa.

Ia bermula pada 2002 apabila dua pejuang kanser dari Malaysia dan Amerika Syarikat mengadaptasi dan menterjemah bahan pendidikan terpilih ke dalam bahasa Melayu sebagai langkah pertama menyediakan maklumat berkenaan rawatan dan penjagaan kanser payudara di Malaysia. Usaha mereka seterusnya dengan Projek Pendidikan dan Penyelidikan Kanser (CaEd) melalui usaha sama antara UPM dan Universiti Cornell sehingga tertubuhnya CaRE bagi menampung aktiviti pendidikan, maklumat dan program sokongan kanser.

Menurut Pengarah Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser, Prof Dr Latiffah Abdul Latiff, CaRE mempunyai misi yang cukup besar iaitu menjadi sebuah pusat bereputasi antarabangsa dalam pendidikan, saringan, pengurusan dan perkhidmatan sokongan kanser. Selain menyampaikan maklumat mengenai kanser kepada masyarakat, setiap aktiviti memberi penekanan dalam aspek pencegahan, perawatan dan sokongan terhadap pejuang kanser.



DR LATIFFAH menunjukkan antara buku berkaitan kanser di CaRE.

* “Bagi penghidap kanser, sebaik saja menerima kenyataan yang mereka mendapat kanser, perkara pertama adalah menangis serta bertanya mengapa mereka yang harus menerimanya. Dalam keadaan tertekan mereka memerlukan sokongan moral daripada insan senasib serta benar-benar memahami apa yang diperlukan.

“Dalam hal ini, penghidap kanser memerlukan maklumat mengenai penyakit, teknik rawatan serta dorongan daripada mereka yang turut mengalaminya. CaRE menjadi penghubung bukan saja sekadar mendapatkan maklumat malah menyertai aktiviti bagi meningkatkan keyakinan sekali gus menjalini gaya hidup sihat,” katanya.

Sebagai sumber maklumat kepada pesakit kanser, CaRE menyediakan pelbagai perkhidmatan yang mampu menjawab semua persoalan berkaitan kanser antaranya Program Pendidikan Kanser dan Kesedaran Komuniti yang diadakan untuk pesakit dan ahli keluarga, jururawat dan golongan profesional dalam mengga-



KAKITANGAN CaRE mendengar taklimat daripada Dr Latiffah.

lakkan gaya hidup sihat. Selain itu, sesi kaunseling dan sokongan moral dijalankan di CaRE atau di rumah pesakit membolehkan pakar perubatan, kaunselor bertauliah dan pejuang kanser itu sendiri.

“Apa yang diperhatikan, ramai pejuang kanser mampu menjalani kehidupan sama seperti insan lain malah lebih berse-

mangat kerana merasakan penyakit yang diterima itu anugerah yang terlindung pelbagai hikmah. Sebab itu ada pesakit mampu hidup lebih lama tidak seperti yang dijangka disebabkan mereka menjalani kehidupan sihat dengan sokongan keluarga serta masyarakat sekeliling,” katanya.

Tambahnya, daripada maklum balas diterima

kebanyakan pejuang kanser memerlukan bahan bacaan terutama dalam bahasa Melayu dan bahan pendidikan ini banyak disediakan di CaRE dan Hospital Putrajaya. Perpustakaan yang dibuka kepada orang awam pada Isnin sehingga Jumaat dari jam 8 pagi hingga 5 petang menyediakan lebih 1,000 koleksi bahan bacaan berkaitan kanser (penjagaan

dan pemakanan) dalam bahasa mudah untuk rujukan pengunjug. Malah pusat kanser CaRE akan dibangunkan di beberapa lokasi lain seperti Hospital Serdang dan Pantai Timur.

Dengan perkembangan teknologi maklumat, pesakit dan pejuang kanser juga boleh melayari laman sesawang <http://www.care.upm.edu.my> bagi mendapatkan panduan menyeluruh. Ada juga ta-

lian bebas tol KanHelp Line tajaan TM dikendalikan jururawat berkelayakan bagi memberikan penerangan kepada masyarakat mengenai kanser.

Pada masa sama, saringan kanser pangkal rahim akan dijalankan menggunakan kaedah Pap smear yang diambil sendiri (Cervisafe) wanita, demonstrasi pemeriksaan sendiri payudara dan kaedah pengesanan awal kanser menggunakan kaedah Electron Spin Resonance Albumin yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Bagi mendokong semua aspirasi di atas, CaRE memerlukan sokongan sukarelawan bagi menggerakkan setiap program serta menjadi medium terbaik mengembangkan peranan dan perkhidmatan CaRE kepada masyarakat. Program Sukarelawan yang sudah dilancarkan akan memastikan setiap perkhidmatan CaRE disalurkan dengan cara lebih cekap dan berkesan.

Bagi mereka yang ingin menjadi sukarelawan CaRE boleh melayari laman sesawang www.care.upm.edu.my.